

## TOPOPHOBIA WANITA DI KAWASAN RUANG AWAM BANDAR DALAM ASPEK KESELAMATAN SURAU: SATU TINJAUAN AWAL DI ZON BANDAR SELAMAT SABAH

Nor-Ina Kanyo<sup>1</sup>  
Ahmad Tarmizi Abdul Rahman  
Norhuda Salleh  
NurFitri Aida Jamali

### ABSTRAK

*Pembangunan yang pesat sering berlaku di kebanyakan negara sering berhadapan dengan kejadian jenayah sebagai satu ancaman kepada negara tersebut. Kadar kes jenayah yang semakin meningkat, seiringan dengan kadar pertumbuhan penduduk dan peningkatan kadar pembangunan ekonomi, menjadikan aspek keselamatan sebagai asas dalam perancangan persekitaran bandar masa kini. Pada era globalisasi masa kini menunjukkan bahawa kebanyakan mangsa serangan jenayah ini terdiri daripada golongan wanita. Oleh itu, kertas kerja ini cuba membuat tinjauan tentang fenomena topophobia wanita dan kaitannya dengan kejadian jenayah yang berlaku khususnya di kawasan surau dalam zon bandar selamat. Surau merupakan tempat ibadah bagi umat Islam, namun begitu terdapat juga kes salah laku jenayah yang berlaku di kawasan surau sehingga mengundang topophobia dalam kalangan wanita yang menggunakan surau. Penulisan berfokus kepada senario topophobia masa kini secara menyeluruh meliputi aspek berikut (i) melihat kepada ciri-ciri struktur ruang fizikal surau yang boleh mengundang perasaan topophobia wanita, (ii) mengenalpasti keadaan persekitaran yang boleh mengundang topophobia wanita dan, (iii) cadangan untuk penambahbaikan keselamatan surau yang tidak menimbulkan masalah topophobia. Kaedah pengumpulan data bagi penyelidikan ini adalah melibatkan pihak berkuasa seperti Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Majlis Perbandaran Tawau (MPT), Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) dan masyarakat awam yang terdiri daripada wanita sebagai pengguna surau. Kajian ini dijalankan di zon bandar selamat adalah untuk melihat fungsi bandar konsep bandar selamat di kawasan utama negeri Sabah dalam berhadapan dengan perilaku jenayah samada mewujudkan ruang yang selesa untuk masyarakat awam ataupun sebaliknya.*

Kata Kunci: Jenayah, Surau, Topophobia Wanita, Keselamatan, Zon Bandar Selamat

### PENGENALAN

Wanita adalah merupakan satu kelompok yang aktif dalam menggerakkan ekonomisebuah negara. Tonggak kemajuan sebuah negara itu dapat dilihat melalui sumbangan yang diberikan oleh entiti wanita khususnya dalam bidang ekonomi. Justeru, usaha ini dapat dilihat apabila kerajaan telah menggubal suatu dasar yang dikenali sebagai Penggubalan Dasar Wanita Negara (DWN). Melalui dasar ini, ia menjadi cerminan betapa kerajaan bersungguh-sungguh untuk mengoptimumkan potensi golongan kaum wanita dalam pembangunan di negara. Dalam pada itu, ianya juga selari dengan hasrat pihak pemegang taruh khususnya kerajaan yang bertujuan untuk mengintegrasikan wanita ke dalam pelbagai sektor yang terlibat dalam pembangunan negara. Sehingga kini, kejayaan wanita mampu direalisasikan dengan wujudnya persekitaran yang telah mendukung usaha serta tindakan mereka dengan baik. Dalam hal ini, ruang juga memainkan peranan yang penting untuk golongan wanita terus bergerak secara aktif dan tidak menimbulkan perasaan takut terhadap ruang. Masalah perlakuan jenayah bukan merupakan satu isu yang baru untuk diketengahkan, namun pada masa kini kadar peningkatan yang berlaku ekoran daripada jenayah telah menyebabkan masyarakat mula berasa bimbang khususnya kepada pihak atasan yang mengawal selia setiap jenayah yang berlaku samaada di kawasan bandar mahupun luar bandar.

Secara umum, konsep persekitaran ini merujuk kepada kawasan ruang bandar yang berdayahuni iaitu bandar yang ceria, mempunyai penduduk yang sibuk dengan pelbagai aktiviti, persekitaran ekonomi, sosial dan fizikal yang segar, hening kehijauan, selamat, menarik dan sihat (A Samad et al. 2008). Bukan itu sahaja, malah wujud juga situasi ruang yang tidak mendukung wanita kawasan ruang bandar terutamanya kawasan persekitaran fizikal seperti kawasan yang bersemak, pembinaan bangunan yang terbengkalai, kawasan tanah perkuburan yang jauh dari pandangan orang awam mahupun kawasan tepi lorong yang gelap dan sempit. Malah, persekitaran sosial yang tidak kondusif yang menakutkan juga mengundang perspektif yang negatif dalam kalangan masyarakat awam iaitu kehadiran pendatang asing dalam jumlah yang banyak dengan pelbagai ras, warna kulit, budaya juga golongan yang menjadi gelandangan serta penagih dadah yang ada di kawasan bandar. Akhirnya ruang bandar yang seperti ini menjadi cerminan negatif pada pandangan orang luar sehingga pada satu tahap situasi ini mewujudkan perasaan takut wanita terhadap tempat atau dikenali sebagai (topophobia). Perasaan sebegini boleh muncul dalam dua keadaan sama ada secara semula jadi ataupun keadaan persekitaran yang mendorong timbulnya kerisauan wanita terhadap keselamatan mereka di kawasan ruangan awam. Justeru, kertas kerja ini adalah bertujuan bagi untuk membuat tinjauan tentang fenomena topophobia wanita dan kaitannya dengan kejadian jenayah yang berlaku khususnya di kawasan surau dalam zon bandar selamat.

<sup>1</sup> Corresponding author: Nor-Ina Kanyo E-mail: norina@ums.edu.my; norina03@gmail.com.

## **KONSEP TOPOHFOBIA WANITA DI KAWASAN RUANG AWAM**

Umum mengetahui bahawa fobia adalah merupakan ketakutan yang dihadapi oleh seseorang itu dalam situasi yang melampau atau keterlaluan. Fobia dikategorikan dalam penyakit keresahan atau 'anxiety disorder'. Fobia ialah perasaan yang amat takut terhadap sesuatu benda atau situasi di sekeliling mereka yang menjadi pendorong kepada timbulnya perasaan fobia sebegini. Justeru, orang yang berhadapan dengan masalah berkenaan menyedari ketakutan yang dialaminya adalah bersifat keterlaluan berbanding dengan orang lain yang boleh menjalankan kehidupan secara normal tanpa wujud perasaan takut menjadi mangsa kepada keganasan jenayah. Malah, golongan itu turut mengetahui fobianya tidak setanding dengan benda yang ditakuti. Namun mereka tidak berdaya melawan kerana terlalu takut. Golongan ini akan cuba mengelakkan diri daripada berdepan dengan objek atau situasi terbabit. Hanya dengan melihat gambar atau mendengar cerita sahaja mereka akan berasa takut.

Disebabkan keadaan ini, analisis terhadap suatu tempat yang boleh dikategorikan sebagai kawasan hotspot jenayah dan isu-isu berkaitan kejadian jenayah di kawasan tersebut yang mengundang stereotaip wanita dapat diertikan sebagai topophobia. Secara umumnya, topophobia mempunyai kaitan dengan perasaan halus wanita iaitu takut menjadi mangsa jenayah. Ia dibina daripada perspektif yang mempunyai kekuatan prejudis. Kesannya, sikap prejudis terhadap golongan wanita ini dapat dilihat medicerminkan melalui tabiat pergerakan mereka di dalam ruang. Kesannya, wanita lebih cenderung untuk menyekat tingkah laku mereka daripada bertindak secara bebas (dalam aspek keruangan) kerana rasa takut menjadi sasaran penjenayah. Tambahan pula, ketakutan golongan wanita ini dapat dilihat dengan tindakan mereka yang menjauhkan diri serta lokasi dan masa juga berpotensi untuk diserang menjadi mangsa kepada kegiatan jenayah. Bialeschki (2002) berpandangan bahawa tindakan pengecualian dan penghindaran wanita terhadap ruang yang mengundang topophobia adalah tindakan secara positif kerana ianya merupakan satu bentuk kawalan sosial untuk mengelakkan wanita terdedah terhadap perlakuan jenayah. Malah, langkah ini turut merupakan satu kaedah pra pencegahan awal yang mendatangkan kesedaran wanita supaya mengambil langkah berjaga-jaga apabila berada di kawasan yang terbuka khususnya kawasan bandar.

Topophobia adalah merupakan ketakutan terhadap tempat atau situasi tertentu. Perkataan topo adalah berasal daripada bahasa Yunani bermaksud (tempat) manakala fobia juga adalah bahasa Yunani yang bermaksud (ketakutan). Topophobia dianggap sebagai fobia sosial, yang merujuk kepada ketakutan dengan kawasan sekeliling seperti tempat kerja, bandar – bandar besar, kawasan hotspot jenayah yang dibincangkan termasuklah halaman rumah. Topophobia ini secara umumnya merujuk kepada perasaan halus yang wujud pada diri seseorang wanita yang takut kepada kejadian jenayah sekeliling. Perasaan ini wujud ekoran daripada perlakuan jenayah yang berlaku yang sering menjadikan wanita sebagai sasaran utama khususnya dalam jenayah sosial. Jensen (1999) memberi contoh topophobia sebagai penolakan terhadap tempat yang boleh mewujudkan landskap ketakutan yang mana mewujudkan rasa terancam seperti kawasan setinggian yang menyebabkan kita berasa seperti penceroboh.

## **PRINSIP PERANCANGAN RUANG TEMPAT IBADAT ISLAM (SURAU)**

Secara umumnya, di Malaysia terdapat satu lagi kawasan ruang solat selain daripada masjid iaitu surau. Perbezaan yang pertama adalah dari segi saiz dan skala ruang, surau dibina pada skala yang lebih kecil dari masjid (Surau, 2018) malah, surau merupakan pusat ibadat yang lebih dikenali di Malaysia berbanding musala (Irwan et. al., 2014) dan perkataan surau tidak wujud di dalam bahasa Arab (Zulkifli, 2016) menguatkan hujah bahawa surau adalah warisan seni bina Nusantara. Penyediaan surau di dalam bangunan awam adalah selaras dengan peruntukan Perkara 3(1) (Perlembagaan Persekutuan) yang mengiktiraf agama Islam sebagai agama rasmi di Malaysia, tetapi pembentukan surau di dalam bangunan awam tidak diberi perhatian secara khusus dan hanya keluasan minimum yang dijadikan sebagai syarat penyediaan (Jabatan Perancangan Bandar Desa, 2011 dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2015). Bangunan awam terutama pusat membeli-belah yang menerima kunjungan orang awam yang tinggi menyebabkan surau sentiasa digunakan pada setiap hari, namun Nik dan Roskhourah (2016) menyatakan keluasan serta seni bina surau di dalam pusat membeli-belah tidak direka bentuk dengan baik menyebabkan ianya gagal dipelihara dengan sempurna.

Dalam hal ini, perletakan surau di dalam bangunan awam seperti pusat membelibelah memudahkan majoriti umat Islam di negara ini menunaikan solat pada waktunya dan dilihat sebagai sebuah ruang khusus untuk beribadat. Pembentukan surau di dalam pusat membeli-belah adalah bukan suatu yang luar biasa, apabila Tajuddin (1998) menyatakan tempat ibadat Islam iaitu masjid boleh dikategorikan kepada dua melalui pandangan sejarah iaitu dari segi rupa fizikal (estetik, struktur, binaan, dan keunikan) dan kerohanian iaitu ruang ibadah sebagai tempat pengasingan diri dari keduniaan. Ini juga disokong oleh Rosniza (2011) yang menyatakan seni bina masjid tidak terhad kepada rupa fizikal luaran sahaja sebaliknya reka bentuk dalaman pusat ibadat Islam tersebut juga dilihat amat penting dalam pembentukan sebuah ruang kerohanian.

Reka bentuk dan seni bina masjid dibincangkan secara meluas dan terdapat garis panduan untuk merancang dan membinanya, berbanding dengan surau, terutama surau di dalam bangunan awam seperti pusat membeli-belah. Ini mengakibatkan surau di dalam bangunan bagaikan tersisih dan hanya dilihat sebagai fasiliti ruang solat sementara walaupun ianya kerap digunakan pada setiap hari terutama oleh pekerja dan pengunjung pusat membelibelah. Ini ditambah lagi dengan lokasi surau di dalam bangunan yang diletakkan bersama dengan fasiliti tandas hanya memberi persepsi yang kurang baik kepada pusat ibadat Islam tersebut.

## ASPEK KESELAMATAN SURAU

Pada era masa kini, kegiatan perlakuan jenayah tidak dapat dikawal secara holistik kerana ianya adalah sesuatu yang bersifat secara semula jadi, kadangkala tanpa perancangan yang jelas. Faktor peluang yang wujud di kawasan sekitar menjadikan penjenayah mudah untuk melakukan kegiatan jenayah tanpa mengira waktu dan tempat kejadian. Dalam hal ini, surau juga menjadi salah satu kawasan yang dikategorikan sebagai kawasan 'target' para penjenayah untuk melakukan kegiatan jahat mereka. Terdapat pelbagai laporan yang dikeluarkan melalui media massa berkaitan isu perlakuan jenayah yang berlaku di kawasan surau.

Kawasan bandar adalah merupakan tumpuan semua masyarakat yang tinggal berdekatan daerah tersebut, oleh hal yang demikian selaras dengan fungsi bandar sebagai pusat utama pentadbiran, maka kerajaan juga menyediakan pelbagai kemudahan awam untuk kegunaan masyarakat termasuklah pembinaan surau di kawasan bandar. Ini bertujuan bagi memudahkan umat Islam khususnya melakukan ibadah sekalipun mereka berada di kawasan bandar, tanggungjawab untuk melakukan perintah yang ditetapkan sebagai umat Islam adalah merupakan kewajipan untuk semua umat.

Namun begitu, perkara ini tidak seperti yang diimpikan apabila penjenayah melihat bahawa kawasan surau ini sebagai sasaran untuk melakukan kegiatan jahat seperti mencuri, merompak, dan terdapat juga kes seperti melakukan pencabulan ke atas wanita. Secara tidak langsung perkara ini telah mengundang kepada perasaan takut golongan wanita samaada mereka yang pernah menjadi mangsa mahupun mereka yang mengambil langkah berjagajaga agar tidak menjadi mangsa suatu hari kelak. Disebabkan itu, kajian ini adalah berfokus untuk menilai bagaimana pembinaan sesebuah surau ini mengambil kira elemen keselamatan orang awam khususnya wanita bagi memastikan kebajikan mereka terjaga agar tidak berasa terancam.

Struktur pemilihan tempat juga adalah perkara yang perlu diambil kira dan diberi penekanan agar dapat mengurangkan risiko kejadian jenayah di kawasan tersebut, malah ianya juga berkaitan secara langsung dengan komitmen yang dijalankan oleh kerajaan tempat mahupun majlis daerah dalam usaha menjaga keselamatan awam. Perkara ini perlu dipandang secara serius oleh pihak dan agensi yang bertanggungjawab khususnya di kawasan yang melaksanakan program bandar selamat agar usaha untuk merealisasikan objektif yang digariskan tercapai. Malah, ianya juga dapat dikaitkan dengan konsep sebuah bandar yang dikategorikan sebagai bandar berdayahuni yang mana ianya dapat memberi keselesaan sepenuhnya kepada penduduk yang tinggal di kawasan tersebut.

Selain daripada itu, bentuk dan juga penempatan surau di di setiap bangunan ataupun pasaraya sebenarnya masih lagi kurang diberi perhatian dan perbincangan yang jelas secara meluas meskipun ianya dilihat sebagai satu bentuk tanggungjawab bagi pihak pemilik pusat membeli-belah dalam penyediaan sebagai sebuah fasiliti dalam memenuhi keperluan umat Islam untuk beribadah. Tidak dinafikan bahawa fungsi surau adalah sama dengan fungsi masjid yang lain iaitu sebagai sebuah pusat ibadah. Namun begitu, dari aspek yang lain surau sebenarnya tidak setaraf dengan masjid. Sebagai contoh, pembentukan surau mempunyai pelan dan struktur yang tersendiri.

Ekoran daripada pelan pembentukan surau yang tidak memiliki tipologi yang jelas dan terancang menyebabkan kepelbagaian reka bentuk terhasil dan juga kedudukan surau berada di pelbagai aras tingkat yang berbeza-beza di dalam setiap pusat membeli-belah. Seterusnya, dapat dilihat dengan jelas bahawa garis panduan minimum yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan telah menyebabkan setiap pembinaan surau di dalam pusat membeli-belah memiliki seni bina yang berbeza-beza mengikut kepada kesesuaian dan kehendak pemilik pasaraya. Jabatan Perancang Bandar dan Desa (1997, 2011), Jabatan Perancang Bandar dan Desa Selangor (2017) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2015) telah menyediakan garis panduan yang khusus untuk setiap pusat ibadat Islam yang merangkumi masjid dan juga surau. Peranan dan juga pelan reka bentuk bagi setiap pusat ibadat umat Islam khususnya masjid dan surau turut disertakan dengan garis panduan dalam penyediaan surau mengikut kepada kriteria utama.

## SENARIO PERLAKUAN JENAYAH DI MALAYSIA

Kejadian jenayah yang semakin giat berlaku di negara mendapat perhatian ramai pihak untuk lebih berhati-hati agar tidak menjadi mangsa jenayah. Perlakuan jenayah yang dipaparkan melalui media massa mahupun media elektronik ini menjadi hangat diperkatakan samada ada jenayah yang melibatkan kes ragut, kes pecah rumah, kes penculikan, kes rogol dan sebagainya. Kesemua perlakuan jenayah ini dilihat sebagai satu ancaman kepada masyarakat khususnya wanita ataupun warga tua. Berdasarkan daripada laporan yang dikeluarkan oleh PDRM menyatakan bahawa perbezaan kadar jenayah ini berlaku mengikut keadaan dan masa yang tertentu sahaja. Sebagai contoh, kejadian jenayah ini sering dilihat terjadi di kawasan bandar-bandar besar iaitu yang menjadi tumpuan masyarakat awam berbanding dengan kawasan diluar bandar.

Sehubungan dengan itu, perasaan takut ini berkait rapat dengan pengaruh pembinaan dan atur cara ruang yang mempunyai risiko berlakunya kejadian jenayah serta ciri-ciri kawasan yang membuka ruang pengaruh jenayah. Justeru, topophobia wanita ini berlaku dalam konteks yang berbeza mengikut kepada jenis ruangan awam dan juga fizikal sesuatu tempat. Malah, penjelasan tentang topophobia sering menjadi perbezaan di antara jenis sesuatu ruang iaitu sama ada ruang awam atau ruang fizikal. Kajian berkaitan topophobia banyak memberi fokus tentang ruang awam yang mana ianya dilihat mempunyai tahap nilai keterancaman orang awam dan keterdedahan yang tinggi terhadap jenayah wujud. Namun begitu, jenis-jenis ruang awam bersifat masih terlalu umum dengan diwakili beberapa jenis ruang yang heterogenes.

Kejadian jenayah berlaku dengan pengaruh struktur fizikal bangunan dalam sesebuah bandar. Dalam konteks ini, jarak diantara setiap bangunan serta rupa bentuk bangunan adalah elemen yang perlu diambil kira dalam pembinaan. Terdapat bangunan yang tidak mengambil kira elemen gender iaitu ruang tandas yang terletak di bahagian belakang bangunan atau kawasan yang

terlindung daripada penglihatan orang ramai. Keadaan ini telah memberi ruang kepada penjenayah untuk menjadikan wanita sebagai mangsa. Rentetan daripada itu, struktur pembinaan fizikal bangunan seperti ini dilihat tidak selari dengan ciri-ciri bandar selamat yang ingin dijalankan oleh pihak kerajaan atau majlis tempatan. Melihat kepada permasalahan ini, dalam konteks kajian yang dijalankan adalah membuat penelitian secara khusus kepada aspek topophobia dalam kalangan wanita khususnya yang tinggal di kawasan bandar.

Selain daripada itu, wujud juga persekitaran bandar yang tidak selamat dan kondusif dalam menjaga keselamatan penduduk yang menghuni bandar tersebut sehingga pada satu tahap mewujudkan perasaan takut manusia terhadap tempat tersebut atau pun lebih dikenali sebagai topophobia. Topophobia wanita dapat dilihat sebahagiannya secara prejudis yang dizahirkan melalui pola pergerakan golongan wanita di dalam ruang bandar yang mereka diami. Kebanyakan kajian seperti Kaya dan Kubat (2007); Uzzell dan Brown (t.th); hanya berfokuskan kepada isu keganasan atau jenayah yang dilakukan oleh orang asing di luar rumah atau di ruang awam. Sebaliknya, perasaan takut ini juga boleh wujud dalam rumah itu sendiri. Warrington (2000) memfokuskan kepada kajiannya terhadap realiti semasa yang menyatakan bahawa rumah yang sepatutnya menjadi tempat yang selamat untuk berteduh juga boleh menjadi salah satu tempat berlakunya keganasan yang dilakukan oleh anggota keluarga mereka tersendiri. Lebih buruk lagi sekiranya mangsa keganasan hanya dibatasi oleh faktor ruangan yang terhad dan tidak ada sebarang bentuk perlindungan.

Sebagaimana di Malaysia, kajian kebimbangan rakyat negara ini hanya menumpu kepada jenayah yang menunjukkan keselarasan dengan statistik jenayah. Modly (2009) mendapati kaitan perhubungan tersebut bermasalah kerana tidak mengambil berat sebarang faktor perantara yang lain. Ekoran daripada itu, kejadian jenayah yang semakin meningkat saban tahun ini telah dipengaruhi oleh pelbagai faktor, salah satunya adalah faktor fizikal dalam kawasan bandar itu sendiri yang tidak mengambil kira elemen gender dalam setiap pembinaan.

Ruangan fizikal dalam bandar yang tidak terancang boleh menjadi ancaman perasaan ketakutan dalam kalangan wanita. Oleh hal yang demikian, perasasaan takut ini timbul apabila wujud ancaman jenayah keganasan dalam kalangan wanita sebagai contoh serangan berbentuk seksual berbanding jenayah berbentuk harta benda. Kesannya, dapat dilihat apabila dinilai melalui beberapa keadaan dan situasi sebagai contoh, pengguna ruang yang khas untuk golongan wanita, pembatasan, penghindaran dan juga tempat yang dibimbangi wanita. Oleh hal yang demikian, kajian berkaitan topophobia wanita ini cenderung dalam membincangkan bahawa faktor jenayah adalah merupakan subjek utama dalam mengundang persepsi yang buruk sehingga mengundang perasaan takut terhadap sesuatu tempat. Hal ini dapat dilihat sebagaimana yang dinyatakan oleh Neill (2011), bahawa ketakutan yang paling teruk di antara ketakutan lain ialah perasaan takut terhadap jenayah khususnya yang boleh mengundang bahaya peribadi sehingga mengundang kesan trauma kepada mangsa kejadian. Jika ditelusuri secara mendalam, perasaan takut ini wujud ekoran daripada pengaruh perancangan ruang yang tidak kondusif dan akhirnya mempunyai risiko berlakunya kegiatan jenayah.

Oleh sebab itu, perlunya ada penelitian khusus terhadap struktur ruang wanita. Kajian ini dijalankan untuk melihat dengan lebih mendalam bagaimana keadaan ruang sesuatu tempat di kawasan bandar ini boleh mengundang perasaan topophobia wanita sehingga menyebabkan kualiti hidup mereka terjejas termasuklah kualiti kerja mereka. Justeru, kajian mengenai topophobia wanita di bandar bertujuan untuk mengenal pasti realiti sebenar ketakutan wanita di kawasan zon bandar selamat sehingga menimbulkan rasa tidak selesa dalam diri golongan wanita.

JADUAL 1.0: Jumlah Peruntukan dan Keperluan Kemudahan Masyarakat

Jenis Kemudahan	Sedia ada		Komited		Keperluan (mengikut piawaian perancangan PSKL 1984)	
	Unit	Hektar	Unit	Hektar	Unit	Hektar
<b>Kemudahan Komuniti Awam</b>						
Dewan	103	13.53	49	24.85	Tiada	
Pasar Awam	35	21.69	16	4.94	95	19.00
Perpustakaan	11	4.56	3	2.10	Tiada	
<b>Kawasan Lapang, Kemudahan Rekreasi dan Sukan</b>						
Taman Bandar Raya	3	103.52	1	170.98	Tiada	
Taman Daerah	8	441.08	5	145.17	Tiada	
Taman Kejinanan	2	33.02	21	227.71	Tiada	
Taman Tempatan	35	65.82	18	36.91	95	230.90
Kawasan Mainan Tempatan	531	153.15	79	29.25	190	269.80
Kompleks Sukan	22	167.62	10	27.16	142	460.10
Padang Golf, Polo dan Hutan Simpan	14	579.61	0	0.0	Tiada	
<b>Kemudahan Pendidikan</b>						
Universiti/Kolej	6	391.60	0	0.0	Tiada	
Maktab Perguruan	5	48.00	0	0.0	Tiada	
Pusat Latihan	2	19.00	0	0.0	Tiada	
Sekolah Menengah	79	202.23	31	94.75	95	384.75
Sekolah Rendah	155	209.61	32	158.73	190	385.70
Tadika	136	5.87	0	0	570	57.00
<b>Kemudahan Kesihatan Awam</b>						
Hospital	3	123.56	0	0	Tiada	
Klinik	32	14.76	10	3.16	95	19.00
<b>Kemudahan Keselamatan dan Kecemasan</b>						
Ibu Pejabat Polis Nasional	1	7.39	0	0	Tiada	
Ibu Pejabat Polis Kontinjen	1	3.72	0	0	Tiada	
Ibu Pejabat Polis Daerah	4	4.74	0	0	Tiada	
Balai Polis	15	13.92	13	7.94	95	19.0
Pondok Polis	43	1.11	10	0.91	Tiada	
Balai Bomba	14	8.05	19	10.91	Tiada	
Rukun Tetangga	50	3.05	1	0.05	570	57.0
<b>Kemudahan Kebajikan Sosial</b>						
Rumah Kebajikan	6	20.73	0	0.0	Tiada	
<b>Kemudahan Keagamaan</b>						
Masjid	44	53.26	25	26.82	142	58.22
Surau	134	28.22	44	10.81	190	28.5
Kemudahan Agama Lain	306	56.5	4	0.5	142	14.2
<b>Tanah Perkuburan</b>						
Islam	21	69.58	5	21.67	-	3.42
Bukan Islam	16	231.96	1	7.87	Tiada	
Krematorium	5	4.14	0	0	Tiada	

Nota: Luas kawasan kemudahan masyarakat dikira secara terperinci dan berbeza dengan luas guna tanah di Jadual 6.1.  
Tiada - Tiada piawaian dalam PSKL, 1984

Sumber: Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020

Piawaian perancangan baru disediakan untuk menggantikan piawaian PSKL 1984 bagi memenuhi keperluan penduduk Kuala Lumpur. Piawaian ini telah mengambil kira piawaian perancangan nasional. Piawaian perancangan tersebut meliputi keperluan kemudahan komuniti awam, kawasan lapang, rekreasi dan sukan, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan kecemasan, keagamaan dan tanah perkuburan. Piawaian ini akan disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut perubahan keperluan sosial.

Dasar:

1. DBKL akan mengguna pakai piawaian perancangan kemudahan masyarakat terbaru yang telah disemak semula dan akan sentiasa dikemas kini.
2. DBKL akan, melalui perundingan dengan pihak yang bertanggungjawab dan agensi/agensi berkaitan, memastikan kemudahan masyarakat dirancang dan disediakan selaras dengan piawaian perancangan baru.
3. DBKL akan memastikan tanah kerajaan digunakan bagi kegunaan kerajaan atau kemudahan masyarakat

Jadual 2.0: Jumlah Masjid, Surau di Sabah

ZON	Kawasan Parlimen	Bil	Daerah	Imam Masjid Daerah	Imam Kariah	Imam Rawatib	Masjid Kariah	Masjid Institusi	Surau Kariah	Surau Institusi	Taman Perkebunan	Guru Takmir	Catatan	
Pantai Barat Utara (PBU)	P167 Kudat • N1 Banggi • N2 Tanjung Kapor • N3 Pitas	1	Kudat	1	4	25	12	0	20	0	6	16	Jumlah Guru Takmir Kudat & Matunggong	
		2	Bangi	0	7	17	12	1	23	0	3	2		
		3	Pitas	1	9	23	14	0	63	4	51	8		
	P168 Kota Marudu • N4 Matunggong • N5 Tundak	4	Kota Marudu	1	19	43	27	0	29	7	39	16		
		5	Matunggong	1	6	41	21	0	5	0	24	0		
Pantai Barat Selatan (PBS)	P169 Kota Belud • N6 Tempasuk • N7 Kadamatian • N8 Uluakan	6	Kota Belud	1	31	149	65	0	23	10	72	35	Masjid Institusi Kota Kinabalu : 3 Tak Daftar Surau Institusi : 3 Tak Daftar	
		P170 Tuaran • N9 Tamparuli • N10 Sukanan • N11 Kuala	7	Tuaran	1	19	70	29	0	23	14	35		15
			8	Tamparuli	0	3	8	4	0	19	3	8		5
	P171 Sepanggar • N12 Karambunat • N13 Bunanam	9	Kota Kinabalu	0	9	63	38	9	29	6	28	15		
				P172 Kota Kinabalu • N14 Lihai • N15 Api-api • N16 Lomang	0	9	63	38	9	29	6	28		15
	P173 Putatan • N17 Tanjung Aru • N18 Putapan	10	Putatan	0	4	21	13	1	12	5	7	5		
				P174 Penampang • N19 Kapepan • N20 Misyog	0	0	0	1	2	1	0	0		0

Pantai Barat Selatan (PBS)	P175 Papar • N21 Kawang • N22 Pantai Manis	12	Papar	1	10	39	21	3	93	7	19	19	*Imam kariah : 3 Aktif 1 Gantung Gaji		
				P176 Kinas • N23 Bongawan	1	6	13	8	0	12	2	13		2	
	P177 Beaufort • N25 Khas • N26 Kuala Penyu	13	Membakut	1	39	108	50	1	61	3	44	11			
				14	Beaufort	0	4	17	8	0	14	4		8	4
				15	Kuala Penyu	0	4	17	8	0	14	4		8	4
P178 Sipitang • N27 Jambatan • N28 Simunan	16	Menumbok	0	6	33	13	0	9	2	19	3				
			17	Sipitang	0	11	25	13	1	14	3	14	6		
Pantai Barat Selatan (PBS)	P179 Ranau • N29 Kundasang • N30 Karomuan • N31 Paganan	18	Ranau	0	12	56	26	0	98	0	77	25			
				P180 Keningau • N32 Tambunan • N33 Beghar • N34 Lianan	19	Keningau	0	6	34	26	2	25	0	26	17
1	1	16	11				0	11	0	16	12				
P181 Tenom • N35 Malaga • N36 Kemabong	21	Tenom	1				8	26	16	0	31	6	18	9	
			22				Sook	0	5	15	3	0	17	0	20
P182 Penampang • N37 Sook • N38 Nakawan	23	Nabawan	1	4	7	4	0	6	1	1	5				
			24	Pegalongan	0	0	0	0	0	0	0	0			

Sundukan	P183 Beluran	25	Beluran	1	17	78	44	0	20	3	50	13
				• N39 Sapat	• N40 Labuk	0	0	0	0	0	0	0
Tawau	P184 Libaran	27	Telupid	0	7	13	11	0	4	2	5	3
			• N41 Gum-gum	• N42 Sibuga								
	P185 Batu Sapi	28	Sandakan	0	15	104	61	3	88	3	43	15
				• N43 Sekong	• N44 Karamunting							
	P186 Sandakan	29	Kinabatangan	1	16	56	41	25	12	7	22	11
				• N45 Elopura	• N46 Tanjung Pagar							
	P187 Kinabatangan	30	Tongod	1	5	7	7	0	3	2	7	0
• N47 Kuamut				• N48 Suku								
Tawau	P188 Silam	31	Tungku	0	1	57	41	4	10	0	12	3
			• N49 Tunghu	• N50 Lahad Datu								
	P189 Semporna	34	Semporna	1	31	160	127	0	98	17	68	13
				• N52 Salsahan	• N53 Senallang							

ZON	Kawasan Parlimen	Bil	Daerah	Imam Masjid Daerah	Imam Kariah	Imam Rawatib	Masjid Kariah	Masjid Institusi	Surau Kariah	Surau Institusi	Taman Perkuburan	Guru Takmir	Catatan
Tawau	P190 Tawau	35	Tawau	1	15	112	135	4	90	2	40	29	
	P191 Kalabakan												

Jumlah Keseluruhan :

- Masjid ; Masjid Kariah : 1,009  
Masjid Institusi : 65  
: 1,074
- Surau ; Surau Kariah : 1,024  
Surau Institusi : 115  
: 1,139
- Taman Perkuburan : 832
- Imam Masjid Daerah : 19
- Imam Rawatib : 1,473
- Imam Kariah : 348
- Guru Takmir : 340

Sumber Rujukan :

- Data Pegawai Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah Sabah
- <http://islam.majlis.gov.my>
- <http://www.jheains.sabah.gov.my/>
- <http://www.e-kariah.sabah.gov.my/>

Tarikh Kemaskini : 7 Ogos 2018

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), 2018

Berikut adalah merupakan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) berkaitan dengan data jumlah imam, masjid, surau beserta guru yang ada di Sabah mengikut zon-zon yang tertentu. Berdasarkan daripada data tersebut menunjukkan bahawa pelaksanaan dan pembinaan surau adalah menjadi salah satu keutamaan dan diberi penekanan oleh pihak yang terlibat. Justeru, kajian ini cuba untuk melihat bagaimana pelaksanaan setiap surau yang dibina ini mengambil kira aspek keselamatan awam khususnya golongan wanita. Hal ini kerana, wujud perbezaan antara fungsi masjid dan juga surau dari segi penggunaan. Kebiasaannya, di kawasan masjid lebih terjaga dan mempunyai penjaga yang sentiasa bertugas untuk memantau masjid daripada sebarang bentuk gangguan mahupun ancaman dari pihak luar. Namun begitu, dalam aspek pembinaan surau pula, ianya ditubuhkan hanya untuk memberi kemudahan kepada penduduk awam, ini bermakna tidak wujud pengawalan yang tetap di kawasan surau seperti penjaga keselamatan mahupun pembersihan. Secara amnya, surau dibina hanya untuk kegunaan awam dan segala pengurusan termasuk penjagaan kebersihan adalah tanggungjawab orang awam sahaja.


Jadual 3.0 : Jadual Komponen Wanita Untuk Keselamatan (MesSel)

Item item MesSel
- jarak parkir yang jauh dari ruang solat wanita - selenggaraan peralatan elektrik secara berkala - jarak dari tandas ke ruang solat dan wuduk - laluan berbumbung - lampu yang terang - air bertakung - kebersihan persekitaran - lantai yang kering

Sumber : (Siti Rokyah Md Zain, Ros Norita Abd Samad et.al, 2017)

#### MODEL PRASARANA MASJID MESRA WANITA ISLAM

Rajah 1.0 : Model Prasarana Masjid Mesra Wanita Islam



Gambarajah 1: Model Prasarana Masjid Mesra Wanita Islam

#### Prasarana Masjid - Komponen Mesra Wanita Diruang Tandas (MesTan)

Sumber : (Siti Rokyah Md Zain, Ros Norita Abd Samad et.al, 2017)



### **Prasarana Masjid - Komponen Wanita Untuk Keselamatan (MeSel)**

Aspek keselamatan adalah merupakan satu elemen yang sangat diberi perhatian dalam agama Islam. Oleh itu, pembinaan prasarana masjid dan surau juga harus menitikberatkan juga faktor keselamatan pengguna awam yang terlibat menggunakan surau secara harian. Sebagai contoh, elemen-elemen keselamatan yang perlu diberi penekanan dan perhatian terutama untuk golongan wanita Islam adalah keadaan fizikal ruang wuduk wanita dan juga jarak parkir kenderaan dari lokasi surau. Selain daripada itu, pihak pengurusan masjid atau surau yang terlibat juga perlu mengambil kira aspek penyelenggaraan peralatan elektrik di kawasan surau secara berkala untuk memastikan tiada kecederaan dan kemalangan yang tidak diingini berlaku. Sebagai contoh, suis yang tidak berfungsi, peti interkom mahupun mentol lampu yang sudah rosak dan tidak berfungsi perlu diganti dengan segera supaya ruang tersebut tidak suram atau gelap dan mendatangkan bahaya kepada pengguna. Laluan berbumbung sangat diperlukan terutamanya dimusim hujan. Kawasan longkang, tepi parit dan juga saluran tandas yang menghubungkan ruang wuduk perlu bersih dan air tidak bertakung. Lantai tandas dan ruang wuduk perlu sentiasa kering. Hal ini kerana, lantai yang licin dan basah akan mengundang bahaya kepada mereka yang melalui bahagian tersebut.

### **RUMUSAN**

Secara keseluruhan, kajian berkaitan topophobia ini amat signifikan dalam usaha kerajaan untuk menurunkan kes mahupun kadar jenayah yang berlaku di sesebuah negara bagi penilaian risiko dan juga kesan jenayah secara tidak langsung. Penemuan penting dalam kajian ini telah menunjukkan tentang perbezaan kes jenayah dengan pola topophobia wanita. Jenayah yang semakin giat berlaku menyebabkan golongan wanita tidak berupaya untuk mengelakkan diri daripada risiko menjadi mangsa kerana usaha wanita menangani topophobia tidak merujuk kepada masa dan ruang yang berisiko jenayah atau lebih dikenali sebagai kawasan hotspot.

Walaupun bagaimanapun, perasaan topophobia wanita ini sebenarnya mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan kes jenayah dari segi lokasi kejadian dan juga faktor persekitaran baik umum dan juga faktor sosial. Hal ini dipengaruhi oleh imej fizikal dan sosial ruang yang tidak menyenangkan seperti lokasi surau yang lengang dan jauh daripada kawasan orang awam memberi ruang dan peluang kepada penjenayah untuk melakukan kegiatan jahat mereka. Ruang seperti ini yang memberi kesan secara langsung kepada fobia wanita terhadap kejadian jenayah. Persepsi wanita juga terbentuk berasaskan sumber maklumat daripada penceritaan lisan dan media massa yang mendedahkan pengalaman jenayah keganasan yang tertumpu pada ruang tertentu. Kesannya, keadaan ini mengundang perasaan takut mereka untuk berada di jalan raya atau lorong-lorong gelap, kawasan yang sunyi atau lengang serta terdapat penagih dadah berkeliraran malah kedudukan ruang yang sempit dan terpencil juga jarang dilalui orang. Namun begitu, kerajaan telah membuat perancangan ruang dan juga pembangunan yang mengambil kira sensitiviti terhadap wanita masih lagi berada di peringkat permulaan dan belum lagi diberi penekanan yang sepenuhnya.

Namun begitu, dalam menjalankan kajian ini terdapat beberapa masalah dan juga kekangan kerana bandar utama di Sabah seperti Kota Kinabalu dan juga zon bandar selamat yang lain tidak diberi penekanan sepenuhnya dalam pelaksanaan KBS ini. Hal ini kerana, zon-zon bandar ini masih lagi menjadi salah satu kawasan hotspot jenayah yang akhirnya akan mengganggu gugat kesejahteraan mahupun keselamatan orang awam. Disebabkan itu, jenayah yang semakin berleluasa dilihat menjadi salah satu ancaman kepada pembuat dasar untuk memastikan bahawa suatu kawasan bandar ini benar-benar selamat untuk dihuni oleh orang awam sehingga tidak mewujudkan perasaan takut dalam kalangan mereka untuk terus bergerak bebas melakukan aktiviti seharian seperti turun bekerja, membeli-belah dan juga urusan lain.

Dalam pada itu, kebanyakan pertubuhan-pertubuhan NGO mahupun pertubuhan kerajaan yang lain sebenarnya lebih berfokus kepada matlamat dalam menumpukan usaha rawatan dan proses pemulihan selepas sahaja wanita tersebut menjadi mangsa kepada kejadian jenayah. Sebaliknya, usaha dalam mengelakkan berlakunya ancaman terhadap golongan wanita ini lebih banyak bergantung pada tugas pihak polis semata-mata. Namun begitu, usaha ini dilihat kurang berjaya dan sistemik kerana tugas pihak polis dalam mengamalkan penjagaan keselamatan adalah sama diantara golongan lelaki dan juga wanita. Situasi ini dilihat kurang berkesan dalam berhadapan dengan jenayah yang paling ditakuti oleh golongan wanita iaitu keganasan seksual oleh golongan lelaki yang sentiasa berniat tidak baik terhadap wanita dan menjadikan mereka sebagai sasaran utama. Oleh itu, sudah tiba masanya untuk pihak kerajaan membuat satu langkah yang drastik dalam bertindak bagi mengurangkan perasaan takut golongan wanita untuk bergerak bebas di dalam ruang bandar. Hal ini kerana, tidak dapat dinafikan bahawa golongan wanita ini paling banyak mendominasi dalam pelbagai sektor bidang pekerjaan sehingga mereka memerlukan sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak dalam usaha untuk meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan mereka dalam apa jua bidang yang diceburi.

### **PENGHARGAAN**

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) di bawah Geran Skim Fundamental (FRGS) kod FRG0518-19 yang bertajuk "Penelitian Sistem Pengurusan Keselamatan Surau Di Pasaraya Terpilih Dalam Zon Bandar Selamat Di Sabah" atas pembiayaan kajian ini sehingga siap sepenuhnya mengikut tarikh yang ditetapkan.

### **RUJUKAN**

- A Samad *et al.* 2008. Towards Sustainable Buildings in Malaysia: Evaluating Malaysian Green Building Index. Universiti Sains Malaysia: Malaysia
- Bale, J. (1996). Space, Place And Body Culture: Yi-Fu Tuan And A Geography Of Sport.

- Bialeschki, M.D. (2002). Are we having fun yet?: Resistance and social control of women's outdoor experiences as a contested area of constraints, *Tenth Canadian Congress on Leisure Research*. Faculty of Physical Education and Recreation: University of Alberta, Edmonton, Alberta. <http://lin.ca/Uploads/ccIrl0/CCLR10-08.pdf>
- Bixler, R. D. (1994). *Topophobia*. Tesis Ph.D. Clemson University.
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2008). *Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020*. Dlm <http://www.dbkl.gov.my/pskl2020/>
- \_\_\_\_\_ (2015). *GPP19 - Keperluan Kemudahan Awam dalam Pembangunan Bukan Kediaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Gonzalez, B. M. (2005). Topophilia And Topophobia : The Home As An Evocative Place Of Contradictory Emotions, *Space and Culture* 8(2):193-213
- Irwan Mohd Subri, Hasanah Abd Khafidz dan Mohd Hapiz Mahaiyadin (2014). *Iktikaf di Surau: Kajian Terhadap Keputusan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan*. Journal of Fatwa Management and Research, Vol. 3, pp. 7- 30.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). 2018 dlm <http://www.jheains.sabah.gov.my/index.php/solat/statistik-jheains>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor. (2017). *Manual Garis Panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga)*. Shah Alam, Selangor: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. (1997). *Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat*. Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. (2011). *GP008-A Garis Panduan Perancangan Masjid dan Surau*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Kaya, B. & Kubat, A.S. (2007). Space And Fear Of Crime Relation In Urban Green Areas Case Study: Macka Demokrasi Park. *6th International Space Syntax Symposium*.
- Modly, A. R. (2009). Geography Of Fear: Understanding Students' Sense Of Place.
- Nor-Ina K, Norizan MN, Ruslan R (2008) *Kebimbangan terhadap pelakuan jenayah di Pulau Pinang: Satu tinjauan awal*. Dibentangkan di 2nd National Conference: Society, Space and Environment 2009 (SSE2009): "Towards Sustainable Heritage and Future". Organised by Geography Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 2-3 Jun.
- Nor-Ina K, Norizan MN, Ruslan R (2008a) *Pelakuan jenayah dari perspektif geografi: Satu kajian kes di Daerah Timur Laut Pulau Pinang*. In: Hamirdin I, Amer SG, Abdul Rahman R, Rosmadi F (eds) *Isuisu Geografi Malaysia*, pp.214-233. Jabatan Geografi Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor-Ina K, Norizan MN, Ruslan R (2010a) *Jenayah dan perbandaran: Satu kajian di Daerah Timur Laut Pulau Pinang*. In: Yazid S, Fauziah CL, Mazdi M (eds) *Isu-isu semasa alam sekitar manusia di Malaysia*, pp.43-60. UPSI, Perak Darul Rizduan.
- Nor-Ina K, Norizan MN, Ruslan R (2009) *Perbandaran dan kebimbangan terhadap pelakuan di Pulau Pinang: Satu tinjauan awal*. Dibentangkan di International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSH09). "The Progressive Impact of Research in Social Sciences and Humanities: Towards The Regeneration of Knowledge". Organised by Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2-3 December
- Rosniza Othman (2011) *Mihrab design and ornamentation of selected mosques in Malaysia* (Tesis Doktor Falsafah). Diambil dari <http://studentsrepo.um.edu.my/3345/>
- Shahir Sa'min. (2015). *Solat Sunat Tahiyatul Masjid di Surau*. dlm <http://muis.org.my/2015/02/solat-sunat-tahiyatul-masjid-di-surau/>
- Surau. (2018 ). Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka. dlm <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=surau>
- Tajuddin, M. (1998). *The Mosque as a Community Development Centre: Programme and Architectural Design Guidelines for Contemporary Muslim Societies*. Skudai, Johor: Penerbit Teknologi Malaysia
- Uzzell, D. & Brown, J. (t.th). Conceptual progress in understanding fear of crime in railway stations. [www.scielo.oces.mctes.pt/pdf/psi/v21n2/v21n2a08.pdf](http://www.scielo.oces.mctes.pt/pdf/psi/v21n2/v21n2a08.pdf). Diakses pada 4 Februari 2019.
- Warrington, M. (2001). 'I Must Get Out': The Geographies Of Domestic Violence. *The Institute of British Geographers* 26(3): 365-382.